

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE (SANDAKAN)

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu kesesakan yang melampau tahanan imigresen di Pusat Tahanan Sementara (PTS) di Sabah berikutan permintaan Indonesia dan Filipina untuk menanggungkan penghantaran balik warganya berikutan wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil alih pengurusan Pusat Tahanan Sementara daripada Majlis Keselamatan Negara mulai 1 Januari 2021. Pengambilalihan ini akan menyeragamkan pengurusan semua pusat tahanan di seluruh negara sebagai Depot Imigresen.

Kementerian Dalam Negeri sentiasa peka dengan isu kesesakan di semua Depot Imigresen yang menjejaskan keselesaan tahanan. Lanjutan daripada itu, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah proaktif dan langkah-langkah tersebut menunjukkan impak positif dengan jumlah tahanan direkodkan tidak melebihi kapasiti depot.

Bagi memastikan isu kesesakan atau kepadatan di Depot Imigresen khususnya di negeri Sabah tidak berterusan, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah mengambil tindakan secara konsisten seperti berikut:

- (i) melaksanakan pemindahan banduan dari depot berkapasiti tinggi ke depot yang kurang berkapasiti tinggi;
- (ii) mengubah suai depot sedia ada bagi meningkatkan kapasiti; dan
- (iii) Jabatan Imigresen Malaysia dan pihak Kedutaan Negara Filipina dan Indonesia bekerjasama bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang tahanan ke negara asal secara berkala.

Berdasarkan rekod oleh Jabatan Imigresen Malaysia pada 24 Ogos 2021, terdapat seramai 6,179 tahanan di Depot Imigresen di Sabah berbanding kapasiti depot iaitu seramai 6,600 tahanan pada satu-satu masa.